

10,000 serbu Jom Masuk U di Nilai

NILAI 7 Feb. – Karnival Pengajian Tinggi Negara Jom Masuk U 2010 di Stadium Tertutup Nilai di sini meriah dengan menyaksikan kehadiran hampir 10,000 pengunjung semalam.

Karnival dua hari anjuran Kementerian Pengajian Tinggi itu mendapat sambutan menggalakkan di kalangan pelajar sekolah, lepasan peperiksaan awam, guru dan ibu bapa.

Masing-masing yang datang dari sekitar negeri ini selain Melaka, Johor, Kuala Lumpur dan Selangor tidak melepaskan peluang mendapatkan maklumat mengenai institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini termasuk kursus yang ditawarkan.

Salah seorang pengunjung, Nur Syuhada Mohamed, 18, berkata, karnival tersebut sangat bermanfaat bagi pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sepertinya.

“Ia dapat membantu kami mendapat maklumat jelas mengenai peluang pengajian di IPT termasuk kursus yang ditawarkan.

“Bukan itu saja karnival ini juga diibaratkan sebagai pusat sehenti kerana semua IPT ditempatkan di sini dan memudahkan pengunjung mendapat maklumat,” katanya.

Seorang lagi pengunjung, Ng Pei Kie, 17, dari Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Tanjung Melaka berterima kasih kepada pihak sekolah kerana menganjurkan rombongan ke



NUR SYUHADA



NG PEI KIE



BAHARUDDIN MASDA

karnival tersebut.

“Memang sangat berguna kerana pelbagai maklumat dapat saya bawa pulang. Bukan itu saja, saya juga jadi semakin bersemangat belajar agar cemerlang dalam peperiksaan kelak bagi membolehkan saya memasuki universiti pilihan saya nanti,” katanya.

Tambah pelajar tingkatan lima ini, karnival seperti ini wajar diperbanyakkan pada masa akan datang.

Seorang bapa, Baharuddin Masda, 54, dari Kuala Lumpur berkata setelah ketinggalan untuk mengunjungi karnival yang sama di Shah Alam baru-baru ini dia mengambil keputusan awal untuk ke karnival tersebut.

“Ketika diadakan di Shah Alam kami sekeluarga terlambat kerana apabila sampai karnival sudah tamat. Oleh itu kali ini kami datang awal

bersama anak saya dan isteri untuk mendapatkan maklumat tentang IPT.

“Memang berbaloi kerana banyak IPT yang mengambil bahagian jadi pandangan kita lebih luas tentang kursus yang ditawarkan,” katanya.

Dalam pada itu menurut Penolong Pegawai Perhubungan Awam Kementerian Pengajian Tinggi, Mohd. Fauzan Abu Hassan, sebanyak 106 buah gerai pameran disediakan karnival tersebut melibatkan IPT awam dan swasta, agensi kerajaan serta institusi kewangan.

“Antara yang terlibat dalam pameran dua hari itu ialah Universiti Teknologi Mara (UiTM); Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Universiti Malaya (UM); Universiti Malaysia Pahang; Universiti Pertanian Malaysia



SEBAHAGIAN pelajar lepasan SPM serta ibu bapa memenuhi gerai-gerai universiti tempatan pada Karnival Pengajian Tinggi di Nilai, kelmarin.

(UPM); Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

“Turut serta ialah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) serta akhbar *Utusan Malaysia* selaku media rasmi bagi karnival tersebut,” katanya.

Tambah beliau, selain pameran dan pendedahan maklumat, karnival

itu juga akan menjalankan beberapa aktiviti seperti kuiz, forum, khidmat nasihat, bimbingan, kaunseling pendidikan dan permohonan aplikasi atas talian.

“Bagi memudahkan pengunjung pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) selaku tuan rumah turut menyediakan khidmat bas shuttle dari stesen komuter Nilai ke stadium ini bermula pukul 8.30 pagi,” katanya.